

TARIKH	9 / 5 / 2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	H 4	RUANGAN	Sentral

272 calon sertai klinik bimbingan UPSR TaHa

Machang: Seramai 272 calon Ujian Pencaian Sekolah Rendah (UPSR) menyertai program Klinik Bimbingan Peperiksaan UPSR 2013 anjuran Kelab Tabung Haji (TaHa) dan BH di Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Machang (SMKBM) di sini.

Seminar sehari itu memfokuskan tiga mata pelajaran iaitu Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik yang dikendalikan guru pakar sebagai persediaan murid menduduki ujian berkenaan, September ini.

Tanggungjawab sosial Tabung Haji

Pengarah Tabung Haji (TH) Kelantan, Mohd Nasir Mohd Yusoff, berkata program itu sebahagian daripada tanggungjawab sosial pihaknya terutama mereka yang mempunyai akuan simpanan dengan TH, sekali gus layak menikmati kemudahan ditarawakan Kelab TaHa.

"Antaranya, menyertai seminar pendidikan, diskaun di kedai terpilih, hadiah kecemerlangan murid dan pelajar, biasiswa dan program khas untuk murid miskin," katanya.

Murid Sekolah Kebangsaan (SK) Hamzah II, Hood Haqqi Mohd Azlan, 12, berkata banyak pengalaman diperoleh terutama membabitkan teknik memahami dan menjawab soalan.

Manfaat sepenuhnya

"Saya yakin untuk mendapat keputusan cemerlang selepas mendapat tunjuk ajar daripada penceramah dan baki beberapa bulan lagi ini akan dimanfaatkan sepenuhnya untuk terus mengulangkaji pelajaran," katanya.

Ketua Pengawas SK Machang II, Amira Nadia Holek, 12, berkata penerangan yang diberikan penceramah menambahkan lagi keyakinannya untuk menduduki UPSR.

"Tidak rugi saya dan rakan-rakan membuka akaun Kelab TaHa kerana dapat menyertai seminar pendidikan secara percuma.

"Selain mengulangkaji pelajaran, kita juga perlu fokus dalam kelas sambil menggunakan panduan diberikan penceramah supaya dapat menguasainya dengan baik," katanya.

*Seminar
pendidikan,
diskaun di kedai
terpilih, hadiah
kecemerlangan
murid dan
pelajar, biasiswa
dan program
khas untuk
murid miskin"*

**Mohd Nasir
Mohd Yusoff,**
Pengarah Tabung
Haji Kelantan